

30 JAN 1997

Mahathir-Peraturan

PEMILIK MUNGKIN DIDAKWA BERSUBAHAT JIKA ADA DADAH DI PUSAT HIBURAN

ALOR SETAR, 30 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menggubal undang-undang untuk mendakwa pemilik pusat hiburan sekiranya dadah termasuk pil ekstasi dijumpai dalam premis mereka.

Perdana Menteri berkata pemilik ataupun pengurus pusat hiburan itu akan dianggap sebagai bersubahat dalam pengedaran dadah berkenaan jika pelanggan mereka didapati terlibat dalam penggunaan narkotik di premis berkenaan.

"Tidak lama lagi kita akan menjadikannya tanggungjawab pemilik tempat hiburan...kalau ada tanda-tanda dadah dan pil ekstasi digunakan, mereka akan dianggap terlibat dalam pengedaran," katanya kepada pemberita setibanya di sini untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Universiti Utara Malaysia, Sintok dekat sini, petang ini.

Beliau diminta memberi pandangan mengenai cadangan beberapa negeri untuk menghadkan waktu operasi pusat-pusat hiburan sehingga tengah malam dan tentang gejala sosial yang menular di pusat-pusat hiburan.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menghalang orang ramai untuk berhibur tetapi beliau bimbang apabila terdapat pusat-pusat hiburan yang menyalahgunakan permit yang diberikan.

"Kita beri hak kepada orang untuk berhibur tetapi kita mendapati pil ekstasi turut digunakan di tempat-tempat itu dan ada pula yang menari seperti tidak sedarkan diri.

"Kalau setakat hiburan kita tidak peduli. Biarlah dia nak berhibur tetapi bila terlibat dengan pengedaran dan penggunaan pil kita terpaksa mengambil tindakan," kata beliau.

Katanya walaupun peraturan itu (menghadkan waktu operasi) mungkin menjejaskan sedikit industri pelancongan, namun kerajaan perlu mengambil tindakan tegas untuk membendung gejala sosial dan budaya tidak sihat di pusat-pusat itu, katanya.

Beliau berkata kerajaan akan memerhati perkembangan itu dan mengambil langkah yang sewajarnya.

Ketika ditanya sama ada tempat hiburan di pusat peranginan seperti Langkawi boleh dikecualikan daripada peraturan itu, Perdana Menteri berkata: "Kita tidak boleh memberi pengecualian di Langkawi kerana orang tempatan pun mengunjungi tempat-tempat hiburan di sana. Bila malam tidur sajalah...pukul 12 tengah malam cukuplah."

Mengenai isu balak di Sabah, Dr Mahathir berkata beliau telah menyerahkan semua dokumen mengenai perkara itu kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang sedang menjalankan siasatan.

"Saya telah terima surat daripada Kementerian Perusahaan Utama serta Kerajaan Sabah dan saya telah serah kepada BPR. Sehingga ia (BPR) selesai (siasatan) saya tak nak komen apa-apa," katanya.

Perdana Menteri mengulangi arahannya supaya semua pihak tidak lagi membuat sebarang kenyataan mengenai isu balak itu sehingga polis dan BPR selesai menjalankan siasatan.

Dr Mahathir turut ditanya pemberita mengenai dakwaan adanya pihak yang berminat untuk mengambil alih pengurusan Penerbangan Malaysia yang akhir-akhir menarik perhatian masyarakat kerana dikatakan tidak berupaya memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggannya.

Beliau berkata: "Pada masa ini tidak ada tetapi adalah saya dengar desas-desus mengenai perkara itu dan ini...saya tak berani nak kata."

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata berita mengenai masalah dalam

Penerbangan Malaysia itu mungkin berpunca daripada pihak tertentu yang membuat spekulasi dalam pasaran saham dengan tujuan untuk menurunkan harga saham syarikat itu untuk membelinya dan kemudian menjual untuk meraih keuntungan apabila nilainya meningkat semula.

Ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Kebudayaan dan Kesenian Datuk Sabbaruddin Chik baru-baru ini bahawa kemerosotan perkhidmatan Penerbangan Malaysia sedikit sebanyak menjejaskan industri pelancongan negara, Dr Mahathir berkata perkara itu ada benarnya.

Tetapi beliau menegaskan bahawa masalah itu bukannya disengajakan kerana pengurusan Penerbangan Malaysia, seperti juga syarikat penerbangan lain sudah pasti tidak mahu mengendalikan operasi sekadar untuk memberi layanan yang buruk kepada pelanggan.

Dr Mahathir berkata Penerbangan Malaysia menghadapi masalah kekurangan kakitangan, terutamanya juruterbang dan kru kabin yang berpengalaman.

"Mereka perlu menambah kakitangan sedangkan kakitangan itu bukan mudah untuk ditambah. Kalau tambah pun orang baru yang tidak ada kemahiran."

Dr Mahathir berkata kerajaan berharap syarikat itu dapat menyelesaikan masalahnya dengan segera.

"Saya yakin pelbagai langkah diambil untuk menyelesaikan masalah itu tetapi saya juga sedar bahawa ia tidak dapat diatasi dengan sekelip mata."

Ketika ditanya mengenai masalah pendatang asing, Dr Mahathir berkata beliau bersetuju dengan pendapat Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Nor baru-baru ini bahawa masalah itu sememangnya serius.

Katanya kerajaan menghadapi banyak masalah dalam menangani isu pendatang asing tanpa izin ini.

"Banyak yang datang tak ada kerja. Kalau datang sini kadang-kadang kehilangan surat.

"Kita kena sediakan tempat tahanan dan beri mereka makan. Apa sebabnya kita kena tanggung beban?"

Perdana Menteri berkata kerajaan memberi peluang kepada rakyat asing untuk bekerja di negara ini tetapi mereka harus melalui proses yang betul.

-- BERNAMA

MFJ NMO